



KENYATAAN MEDIA

ORANG BERINSURANS TERIMA FAEDAH SKIM KEILATAN PERKESO

1. **Kementerian Sumber Manusia (KSM)** hari ini menyampaikan faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kepada dua Orang Berinsurans (OB) yang mengidap keilatan di kawasan Parlimen Pendang, Kedah.
2. OB pertama iaitu Md Zukarni Bin Ramli, 38 tahun, telah mengalami sakit kencing manis, buah pinggang serta masalah saraf sejak 2017. Beliau yang merupakan pencarum aktif **Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 (Akta 4)** sejak tahun 2002, telah mengemukakan permohonan tuntutan faedah kepada PERKESO dan disahkan ilat oleh Jemaah Doktor pada Ogos 2019.
3. Md Zukarni yang memenuhi syarat kelayakan caruman yang ditetapkan PERKESO, menerima faedah-faedah di bawah **Skim Keilatan** di bawah Akta 4. Antara faedah yang diterima adalah bayaran **Pencen Ilat** setiap bulan dan **Elaun Layanan Sentiasa berjumlah RM500 sebulan**. Beliau turut dibekalkan dengan bekalan ortopedik iaitu kerusi roda dan peralatan kemudahan pemulihan jasmani seperti katil, tilam dan bekalan lampin pakai buang yang ditanggung sepenuhnya oleh PERKESO.
4. Bagi Azizah Binti Saadin pula, derita sakit tulang belakang yang dialaminya sejak 2016 membolehkan beliau menerima bantuan faedah Skim Keilatan. Keputusan Jemaah Doktor yang membuat penilaian kesihatan ke atas beliau telah mendapati beliau yang ketika itu berusia 56 tahun, mengidap keilatan. Beliau telah mencarum sejak 1993 dan carumannya memenuhi syarat kelayakan.
5. Bermula Januari 2017, Azizah, 60 tahun telah menerima bantuan faedah **Pencen Ilat** secara berkala. Beliau juga dibekalkan dengan kerusi roda, *commode chair* dan bekalan lampin pakai buang. Selain itu, Azizah turut dibantu dengan **kemudahan rehabilitasi** untuk proses pemulihan peringkat awal.
6. Faedah telah disampaikan oleh **Timbalan Menteri Sumber Manusia, YB Tuan Haji Awang Bin Hashim**, merangkap Ahli Parlimen Pendang di kediaman OB masing-masing, hari ini. Hadir sama ialah **Pengarah PERKESO Negeri Kedah, Shharuddin Bin Waled**.
7. Pencen Ilat adalah faedah dalam Skim Keilatan di bawah Akta 4 yang dibayar kepada seseorang berinsurans yang layak apabila disahkan menghidap keilatan atau mengalami suatu keuzuran yang berkekalan oleh Jemaah Doktor. Faedah ini dibayar selama seseorang mengalami keilatan atau hingga meninggal dunia. Skim ini juga memberi perlindungan 24 jam kepada pekerja dari keilatan atau kematian akibat dari sebarang sebab yang tidak berkaitan dengan pekerjaan. Antara syarat Pencen Ilat adalah belum berumur 60 tahun semasa Notis Keilatan diterima PERKESO dan memenuhi syarat kelayakan caruman.
8. Dengan bantuan faedah dan sokongan daripada PERKESO ini, KSM berharap dapat meringankan bebanan kedua-dua OB untuk meneruskan kehidupan. Keadaan dan perkembangan mereka juga sentiasa dipantau oleh Pengurus Kes PERKESO di Kedah.

YB TUAN HAJI AWANG BIN HASHIM
TIMBALAN MENTERI SUMBER MANUSIA
KEDAH
25 Disember 2020